

Jurutera Glokal Tarik Minta Pelajar Ceburi Bidang Kejuruteraan

KANGAR 12 Disember - Malaysia kini mengalami masalah kekurangan jurutera berkemahiran untuk membangunkan negara. Hal ini disebabkan pemikiran pelajar atau remaja yang menganggap bahawa bidang kejuruteraan adalah satu bidang yang sukar kerana subjeknya yang sukar.

Atas kesedaran itu, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), mengambil inisiatif menganjurkan Program Jurutera Glokal Siri 4 untuk memberi pendedahan dan membuka minda pelajar mengenai bidang kejuruteraan. Menurut Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato` Prof Dr. Kamarudin Hussin, Program Menjana Jurutera Glokal merupakan program yang dirangka khas oleh universiti dalam usaha membantu para pelajar mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2010.

"Program yang dikhususkan untuk pelajar aliran sains ini merupakan satu program yang dilihat mampu memberi kesedaran dan bimbingan awal kepada pelajar selari dengan keperluan sains dan kejuruteraan negara.

"Bertemakan "Menjana Jurutera Glokal", kita telah menyusun beberapa program khusus untuk membangun minat kepada peserta seperti merekacipta modul robot,"katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutup Program Menjana Jurutera Glokal di Dewan Kapitol UniMAP, di sini, baru-baru ini.



Bagi wakil pelajar, Ashwin Arul, 16, dari Sekolah Menengah La Salle berkata, program tersebut amat menarik dan pelajar mendapat banyak pengetahuan sebenar mengenai bidang kejuruteraan. "Sebelum ini, kami kurang meminati bidang kejuruteraan kena masih samar-samar mengenai alam kejuruteraan yang sebenar.

"Selepas mengikuti program selama enam hari ini, pelbagai pengalaman baru kami dapat, antaranya, dibawa melawat ke kilang dan peserta juga diberi peluang untuk mereka modul robot mengikut kreativiti sendiri dan turut diajar untuk menghasilkan aplikasi untuk menggerakkan robot," katanya ketika menyampaikan ucapan aluan bagi pihak pelajar. Katanya lagi, program yang menarik itu harus diteruskan untuk memberi pendedahan kepada golongan muda yang masih menganggap bidang kejuruteraan merupakan bidang yang sukar.